

CNS4340

U GB 28-03 00218 BH354

aab

Mahathir - AMARAN
BARAT MAHU KENAKAN PERATURAN GAJI MINIMUM DI NEGARA SELATAN
Daripada Ali Mamat

NEW DELHI, 28 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memberi amaran awal bahawa usaha-suaha sedang dijalankan oleh negara maju bagi mengenakan pembayaran gaji minimum untuk pekerja di negara-negara membangun.

Sambil menyifatkannya sebagai satu lagi dasar sekatan ke atas negara-negara membangun selepas peraturan berhubung demokrasi, alam sekitar dan hak asasi manusia, Dr Mahathir berkata peraturan berhubung gaji minimum itu boleh mendatangkan bencana dan merampas satu-satunya keistimewaan yang masih ada di negara-negara membangun iaitu kos pekerja yang rendah.

Menteri Luar Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi berkata amaran Dr Mahathir itu ditimbulkan pada sidang pleno ketua-ketua negara anggota sempena Persidangan Kemuncak Keempat Kumpulan Negara-Negara Membangun (G-15) di sini.

Enam orang ketua negara menghadirinya iaitu Perdana Menteri India Narasimha Rao yang juga tuan rumah, Presiden Suharto dari Indonesia, Presiden Robert Mugabe dari Zimbabwe, Presiden Abdou Diouf dari Senegal dan Presiden Sani Abacha dari Nigeria.

Bercakap kepada wartawan Malaysia yang membuat liputan persidangan itu, Abdullah berkata Dr Mahathir mengingatkan jika negara membangun kehilangan satu-satunya keistimewaan yang masih ada, pekerja-pekerjanya sendiri yang akan menanggung akibatnya kerana kos pekerja yang tinggi boleh menyebabkan kegiatan ekonomi di negara terhabit terjejas. -- Lagi

▼28/03/18-57MST

U GB 28-03 00130 BH355

aab

Mahathir - Amaran 2 New Delhi

"Tanpa kemampuan untuk bersaing, kilang-kilang akan terpaksa ditutup dan akhirnya kadar pengangguran akan meningkat," kata Dr Mahathir.

Menurut Abdullah, Perdana Menteri juga menekankan bahawa peraturan seumpama itu mesti ditentang habis-habisan oleh negara-negara membangun kerana ia tidak mempunyai justifikasi dalam konteks mereka.

Bila Dr Mahathir berkata bahawa kos pekerja yang rendah adalah satu kelebihan bagi negara membangun, ia dibuat dengan kefahaman bahawa taraf hidup di negara-negara itu kini adalah rendah, katanya.

Walaupun gaji pekerja itu kelihatan murah, ia berpadanan dengan taraf hidup negara membangun itu sendiri yang masih rendah.

Menurut Abdullah, Dr Mahathir menggesa negara membangun supaya bersatu menghadapi ancaman terbaru itu dan iktibar harus diambil daripada peraturan yang dikenakan sebelum ini. -- Lagi

▼28/03/18-59MST

U GB 28-03 00130 BH356

aab

Mahathir - Amaran 3 New Delhi

Mengenai peraturan berhubung pengekelan hutan tropika di negara membangun, Perdana Menteri memberitahu sidang pleno itu bahawa jika dipatuhi ia boleh menjejaskan sumber hasil negara yang mempunyai hutan seumpama itu.

Katanya, hutan rimba adalah khazanah milik negara-negara berkenaan yang wujud untuk diterokai bagi mendapatkan hasil.

"Setidak-tidaknya hutan rimba itu adalah satu sumber yang sangat penting kepada penduduk negara membangun untuk dijadikan bahan bakar atau perabot," kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir berharap G-15 akan membuat suatu pendirian bersama bagi menghadapi semua peraturan yang dipaksakan oleh negara-negara membangun ke atas mereka.

Abdou Diouf pula menimbulkan amaran jahat media barat dengan hanya melaporkan keburukan dan kelemahan seperti penyakit dan kemiskinan di negara-negara membangun khususnya Afrika. -- Lagi

♥28/03/19-01MST

CNS4170

U GB 28-03 00184 BH357

aab

Mahathir - Amaran 4 (Akhir) New Delhi

Abdou Diouf, yang juga Pengerusi Pertubuhan Perpaduan Afrika (OAU), berkata media barat hanya memberi tumpuan kepada kelemahan tetapi sebaliknya, mereka tidak akan melaporkan kemajuan atau kebaikan yang telah dilaksana, sedang berjalan dan akan dirancang.

Suharto pula menimbulkan masalah hutang luar yang ditanggung oleh negara-negara membangun yang menjadi penghalang kepada kelicinan pembangunan negara-negara itu.

Beliau berharap masalah itu akan dijadikan satu isu dalam agenda dunia.

Mugabe pula menekankan tentang perlunya G-15 menyatakan pendirian bersama dalam usahanya mahukan struktur Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu disusun semula, terutama pada peringkat Majlis Keselamatan agar peranan yang dimainkannya menjadi lebih demokratik.

Abdullah juga berkata sidang pleno itu telah memutuskan bahawa kuorum bagi sesuatu sidang kemuncak G-15 diturunkan daripada 10 kepada sekurang-kurangnya lima ketua negara, manakala ketua negara yang lain yang tidak hadir boleh menghantar timbalan masing-masing dan kehadiran mereka adalah sah.

Sementara itu, Dr Mahathir akan mengadakan perbincangan dua hala dengan Suharto dan Abdou Diouf petang ini dan dengan Presiden Carlos Menem dari Argentina pada 30 Mac. -- Bernama.

.. AM STA

♥28/03/19-06MST